

Soalan No:63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]****TARIKH : 12.3.2018 (ISNIN)****SOALAN :**

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab perlunya satu perhimpunan pengetua dan guru besar seluruh Kelantan pada 7 Januari 2018 mempunyai acara ikrar menyokong parti Barisan Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan telah menganjurkan Majlis Kesyukuran Warga Pendidik Kelantan pada 7 Januari 2018, yang turut dihadiri Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri dan mantan Pengarah JPN. Majlis melibatkan jemputan seramai 700 orang iaitu pengetua dan guru besar seluruh negeri Kelantan, pegawai dari JPN Kelantan dan pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah. Tujuan utama majlis diadakan adalah sebagai penghargaan dan ucapan terima kasih Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan kepada semua pengetua dan guru besar kerana telah memastikan hari pertama persekolahan tahun 2018 dapat berjalan dengan lancar. Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan yang baharu itu juga telah menggariskan Hala Tuju Pengarah Pendidikan Tahun 2018 dalam majlis tersebut.

163

Atur cara majlis perhimpunan tersebut tidak mempunyai acara ikrar menyokong parti Barisan Nasional sebagaimana didakwa dan tiada apa-apa arahan dikeluarkan supaya pengetua dan guru besar melaungkan sokongan kepada Barisan Nasional.

RJM23

SOALAN : 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI B. ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 12 MAC 2018

RUJUKAN : 10563

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) sehingga Disember 2017 berapakah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftar dengan kaedah Pendaftaran Kad Sementara atau e-Kad mengikut negara asal dan kategori pekerjaan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi memastikan setiap seorang dari mereka mendaftar dengan e-Kad.

165

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

a) Tempoh pendaftaran Program E-Kad Sementara Pekerja Asing telah berakhir pada 30 Jun 2017 yang lalu. Sehingga 30 Jun 2017, seramai 177,989 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan 31,140 orang majikan telah mendaftar dan sebanyak 164,804 keping E-kad telah dikeluarkan kepada PATI.

Pecahan PATI yang telah dikeluarkan E-Kad mengikut warganegara adalah seperti berikut:

- | | | |
|----------------------|----------|----------------------|
| i) Bangladesh | - | 97,191 orang; |
| ii) Indonesia | - | 37,743 orang; |
| iii) Myanmar | - | 17,906 orang; |
| iv) India | - | 3,450 orang; |
| v) Nepal | - | 2,770 orang; |
| vi) Pakistan | - | 2,438 orang; |
| vii) Filipina | - | 666 orang; |
| viii) Kemboja | - | 680 orang; |
| ix) Sri Lanka | - | 460 orang; |
| x) Vietnam | - | 991 orang; |

- xi) Thailand - 490 orang;
- xii) Laos - 15 orang;
- xiii) Turkmenistan - 3 orang; dan
- xiv) Kazakhstan - 1 orang.

Berikut adalah pecahan mengikut sektor pekerjaan bagi 164,804 orang PATI yang mendaftar dan dikeluarkan E-Kad:

- i) sektor pembinaan - 82,991 orang;
- ii) sektor perkhidmatan - 45,992 orang;
- iii) sektor perkilangan - 16,938 orang;
- iv) sektor perladangan - 8,773 orang; dan
- v) sektor pertanian - 10,110 orang.

b) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memantau majikan dan PATI yang ingkar mematuhi undang-undang dan peraturan melalui Operasi Penguatkuasaan secara besar-besaran (OPS Mega) yang telah dilancarkan pada 1 Julai 2017.